

→ DASAR & PENTADBIRAN

Syor konsep sewa dulu beli kemudian

→ Wajar wujud satu lagi kategori rumah selain PPR

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Irwan Shafrizan Ismail
bhbiz@bh.com.my

► Putrajaya

Konsep sewa dulu dan beli kemudian dilihat antara opsi yang boleh membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah sendiri, khususnya di kawasan bandar.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata harga rumah semasa yang melebihi RM300,000 menyukarkan golongan berpendapatan di bawah RM3,500 sebulan untuk memiliki rumah sendiri.

Katanya, mereka tidak mampu

menyediakan deposit 10 peratus.

Sehubungan itu, katanya, satu lagi kategori rumah selain Program Perumahan Rakyat (PPR) perlu diwujudkan, sekali gus menyelesaikan isu rumah dan 50 peratus daripada masalah berkaitan kos sara hidup di bandar.

"Contohnya, jika saya graduan yang memperoleh gaji RM3,500, sudah pasti saya tidak layak untuk memiliki rumah PPR. Itu tidak mengapa, tetapi saya mahu satu lagi kategori rumah, yang mana saya boleh bayar ansuran RM800 atau sewa RM800 (sebulan).

"Kalau gaji saya sudah meningkat dan mencecah RM6,000 sebulan, maka saya mampu untuk memiliki rumah berkenaan," katanya dalam satu dalam temu bual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd di Putrajaya, Rabu lalu.

Definisi rumah mampu milik ikut angka

Johari berkata, definisi rumah



Satu lagi kategori rumah selain PPR perlu diwujudkan"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

mampu milik tidak boleh dilihat dari segi perkataan, sebaliknya mendefinisikannya dengan angka.

Beliau berkata, adalah sukar untuk mendefinisikan rumah mampu milik berdasarkan perkataan kerana sesetengah pemaju hartanah mendefinisikan rumah mampu milik pada harga berbeza seperti RM300,000, RM400,000 dan RM500,000.

"Cuba anda bayangkan graduan dengan gaji RM3,500 sebulan mahu membeli rumah RM300,000, mereka perlu menyediakan deposit 10 peratus iaitu sebanyak RM30,000; deposit RM40,000 bagi rumah RM400,000 dan RM50,000 bagi rumah RM500,000.

"Itu adalah sukar buat mereka, melainkan jika gaji mereka RM5,000-RM6,000," katanya.

Johari berkata, kerjasama semua pihak diperlukan bagi membolehkan satu lagi kategori rumah diwujudkan untuk membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah.

**Fakta
nombor**

RM300,000

harga rumah semasa menyukarkan golongan berpendapatan di bawah RM3,500 sebulan untuk memiliki rumah sendiri